

Nota Penyelidikan/*Research Notes*

Kehidupan Rohingya di Malaysia: Perjuangan dalam Ketidakpastian Hidup **Everyday Life of the *Rohingya* in Malaysia: A Struggle in an Uncertain Life**

TAN POK SUAN

ABSTRAK

Migrasi kaum Rohingya secara besar-besaran yang berlaku selepas kemerdekaan Myanmar (Burma) dapat dikaitkan dengan faktor sejarah dan politiknya yang kompleks. Arus migrasi yang berterusan telah membawa Rohingya ke Malaysia sejak akhir tahun 1980-an. Kajian ini tertumpu kepada pengalaman kehidupan harian golongan Rohingya yang menetap di Malaysia. Hasil kajian mendapati kehidupan golongan Rohingya adalah satu bentuk perjuangan hidup walaupun persekitaran sosial yang dialami ini penuh dengan unsur-unsur ketidakpastian. Pengalaman kehidupan harian yang dilalui oleh golongan ini akan dibincangkan mengikut aspek-aspek berikut: ekonomi, kesihatan, pendidikan, dokumen dan keselamatan. Hasil kajian juga mendapati bahawa status sosial golongan Rohingya yang masih 'kabur' di Malaysia telah mendatangkan kesan yang mendalam terhadap setiap aspek kehidupan harian mereka.

ABSTRACT

Huge scale migrations of the Rohingyas which took place after the independence of Burma (Myanmar) is related to complex historical and political reasons. The continuing waves of migration have brought the Rohingyas to the Malaysia by the end of 1980s. This research focuses on the everyday life experiences of Rohingyas who have settled in Malaysia. The livelihood of the Rohingyas is a form of struggle within a social environment characterised by extreme uncertainty. The experiences of Rohingyas will be discussed accordingly under separate aspects: economic, health, education, document and safety. This research has also found the 'ambiguous' status of the Rohingyas has a serious implications on every aspect of their everyday life.

PENGENALAN

Golongan Rohingya yang berasal daripada Myanmar lebih dikenali sebagai golongan pelarian dan golongan 'tanpa negara' oleh pertubuhan-pertubuhan

antarabangsa dan tempatan seperti United Nations High Commissioner for Refugee (UNHCR), Human Right Watch (HRW), Amnesty International (AI), dan Suara Rakyat Malaysia (SUARAM). Berikutan penafian kerakyatan oleh pihak berkuasa Myanmar, golongan Rohingya ini terpaksa bermigrasi dari kawasan tempat tinggal mereka di Arakan, Myanmar. Mereka hidup secara diaspora di negara-negara lain seperti Bangladesh, negara Arab, Thailand dan Malaysia. Situasi golongan Rohingya, sama ada di Myanmar atau di negara lain semakin mendapat perhatian pada peringkat antarabangsa memandangkan mereka sedang menghadapi diskriminasi hak asasi manusia yang amat serius (Jilani 1999, Martin 1999, Yeni 2006). Isu hak asasi golongan Rohingya di Malaysia juga menimbulkan perhatian pelbagai pihak seperti Human Rights Watch (2000) dan SUARAM (2002, 2003).

Mengikut anggaran umum dari pelbagai sumber, terdapat sekurang-kurangnya 10,000 Rohingya di Malaysia (USCR 1998; USCR 1999; HRW 2000; ABIM 2003; Malaysiakini 2005; data kerja lapangan 2004). Daripada beberapa sumber (Jadual 1) yang menganggarkan bilangan Rohingya, didapati bilangannya semakin meningkat dari tahun 1998 sehingga tahun 2005 (populasi Rohingya sebelum tahun 1998 tidak diketahui). Bilangan populasi yang tepat sukar diperolehi. Ini disebabkan golongan Rohingya masih dianggap sebagai 'pendatang tanpa izin' dari segi perundangan Malaysia. Golongan Rohingya sentiasa menghadapi isu keselamatan dan seringkali terpaksa hidup secara berpindah-randah.

Ringkasan anggaran bilangan Rohingya yang dibuat oleh sumber-sumber tertentu dirumuskan dalam Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Anggaran populasi Rohingya di Malaysia

Tahun	Anggaran populasi	Sumber
1998	5000	US Committee for Refugees (USCR)
1999	5100	US Committee for Refugees (USCR)
2000	5100 hingga 8000	Human Rights Watch (HRW)
2003	8979	Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
2004	10,000 hingga 15,000	Anggaran yang dibuat oleh informan
2005	10,000 hingga 35,000	Laporan berita <i>Malaysiakini</i> (30 April 2005)

Penahanan Rohingya sering dilaporkan dalam media (dirujuk secara umum sebagai 'pendatang Burma') terutamanya apabila kehadiran mereka di Malaysia yang semakin ketara pada akhir tahun 1990-an. Walaupun pihak kerajaan seolah-olah mengambil sikap yang semakin positif untuk menerima golongan Rohingya sebagai 'pelarian' (*refugee*) pada akhir tahun 2004, kes-kes penahanan Rohingya masih berlaku dan cadangan memberi peluang pekerjaan dan pendidikan kepada Rohingya belum lagi diimplementasikan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi membuat pemerhatian tentang kehidupan golongan komuniti Rohingya di Malaysia, iaitu melalui peninjauan terhadap masalah-masalah yang dihadapi pada tahap kehidupan harian. Ini akan membenarkan pengkaji membuat satu justifikasi tentang sejauh mana keadaan tanpa status sesuatu golongan telah memberi impak terhadap kehidupan harian mereka. Selain itu, kajian ini meneliti bentuk tindak balas yang dilakukan oleh golongan Rohingya bagi menghadapi pelbagai masalah dan cabaran kehidupan.

METODOLOGI

Kajian ini ialah sebuah kajian awal yang bersifat *exploratory*. Bahan bacaan sekunder didapati melalui kajian perpustakaan bagi memperoleh pengetahuan atau gambaran tentang sejarah dan konteks migrasi Rohingya di Myanmar. Namun, kajian perpustakaan didapati tidak mencukupi, khususnya penulisan yang memfokus kepada isu Rohingya. Justeru itu, kajian-kajian terkini yang dijalankan oleh pelbagai pihak termasuklah laporan-laporan oleh pertubuhan antarabangsa yang didapati melalui laman web juga dijadikan sumber rujukan yang penting.

Kerja lapangan dijalankan di sekitar Kuala Lumpur bagi memperoleh data primer. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan kepada temubual mendalam ke atas 10 keluarga yang dijalankan pada tahun 2004. Daripada sepuluh temubual ini, tujuh daripadanya dilakukan di dalam rumah informan bersama-sama dengan ahli keluarga mereka, manakala selainnya dijalankan di tempat awam seperti kedai kopi. Walaupun soalan-soalan temubual ditujukan kepada informan yang telah ditentukan, namun begitu, keseluruhan proses temubual biasanya disertai bersama oleh ahli keluarga ataupun rakan-rakan mereka.

Temubual dijalankan dalam bahasa Melayu dengan bantuan seorang penterjemah. Peranan penterjemah ini adalah membantu proses komunikasi antara pengkaji dengan informan, iaitu dengan menterjemahkan istilah-istilah tertentu yang sukar difahami oleh pengkaji atau informan.

Perlu diingatkan bahawa, sebarang deskripsi pengkaji terhadap kisah dan pengalaman informan adalah melalui interpretasi dari kaca mata pengkaji. Maka perlulah ditegaskan di sini bahawa interpretasi dan pemahaman pengkaji terhadap situasi informan dan komuniti yang dikaji mempunyai batasan yang tertentu dan dengan itu ia hanyalah salah satu daripada versi interpretasi yang mungkin.

PENEMUAN KAJIAN

Golongan Rohingya telah berada di Malaysia melebihi 15 tahun sekiranya mengambil kira akhir tahun 1980-an sebagai jangka waktu terawal bagi

Rohingya tiba di Malaysia. Terdapat informan yang mula menetap di Malaysia sejak sebelum tahun 1988 lagi. Dalam keadaan tanpa jaminan keselamatan dan perlindungan politik di Myanmar, golongan Rohingya datang ke Malaysia sehelai sepinggang dengan mengimpikan kehidupan baru yang lebih baik. Namun begitu, mereka mendapati bahawa realiti kehidupan di Malaysia tidaklah seperti yang diidamkan.

Dalam kajian ini, walaupun informan yang ditemubual mempunyai latar belakang yang berlainan, namun, pengalaman yang mereka lalui terdapat banyak kesamaannya. Disebabkan pihak berkuasa Myanmar menafikan kerakyatan golongan Rohingya, mereka tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan atau dokumen perjalanan untuk menyatakan identiti mereka. Keadaan ini telah menyebabkan mereka menghadapi kesukaran hampir dalam segala aspek kehidupan harian.

Masalah-masalah yang dihadapi termasuklah: pengangguran dan tiada jaminan pekerjaan kerana permohonan permit kerja tidak dapat dilakukan; generasi kedua Rohingya yang dilahirkan di Malaysia sukar mendapat surat beranak kerana ibu bapa tidak mempunyai sebarang dokumen seperti sijil perkahwinan atau kad pengenalan; remaja Rohingya pada umur persekolahan tidak dibenarkan mendapat pendidikan formal; menghadapi masalah kesihatan yang serius kerana tidak mendapat rawatan kesihatan yang mencukupi; dan isu yang paling utama iaitu ancaman keselamatan dan sering menghadapi risiko ditahan dan dihantar keluar dari sempadan Malaysia.

Walaupun kehidupan golongan Rohingya penuh dengan unsur ketidakpastian, namun, mereka hidup secara berkomuniti, iaitu sentiasa bersedia menghulurkan bantuan antara satu sama lain. Golongan ini juga mengambil inisiatif membentuk pertubuhan-pertubuhan bagi membina kesepaduan sama ada dari segi fizikal mahupun rohani. Walaupun terdapat juga ketidaksefahaman di antara anggota komuniti dalam hal-hal tertentu, semangat bersedia untuk membantu anggota komuniti yang lain, dan jaringan sosial sesama mereka dilihat sebagai satu bentuk perjuangan kehidupan, iaitu satu perjuangan bagi menghadapi ketidakpastian dalam setiap detik kehidupan harian.

Dalam bahagian yang seterusnya, pengkaji memberi huraian secara lebih terperinci mengenai masalah-masalah yang dihadapi dari pelbagai aspek, dan juga jaringan sosial yang dibentuk oleh golongan Rohingya ini. (Kesemua nama yang disebutkan dalam bahagian seterusnya adalah nama samaran.)

KEMISKINAN, PENGANGGURAN DAN TIADA JAMINAN PEKERJAAN

Secara umumnya, Rohingya di Malaysia ialah pekerja tidak mahir. Jenis pekerjaan yang dilakukan oleh Rohingya adalah berbagai-bagai, contohnya pekerja tapak pembinaan, pekerja kilang, pemotong rumput, pembantu penjaja di pasar, pembantu restoran, pencuci bangunan, pengutip besi buruk dan pengutip kotak. Sesetengah majikan enggan mengambil Rohingya atas pertim-

bankan risiko diambil tindakan oleh pihak berkuasa; di sebaliknya sesetengah majikan pula mengambil kesempatan merendahkan gaji mereka.

Masalah kemiskinan ialah masalah yang serius dalam kalangan Rohingya, terutamanya mereka yang telah mendirikan rumahtangga. Husin, seorang informan yang berumur 70-an dan telah mempunyai lima orang cucu menyatakan kesukaran yang dihadapinya:

Saya belajar pengetahuan perbomohan di India selama beberapa tahun. Tetapi sekarang, umur saya sudah tua... berpenyakit kencing manis pula, saya jarang lagi membuat bomoh. Keluarga kami terdiri daripada sembilan orang. Anak lelaki seorang sahaja yang bekerja. Gaji dia 500 ringgit satu bulan, kerja di pusat pengumpulan besi buruk. 250 ringgit diguna untuk membayar sewa. Gaji ini tidak cukup untuk kami sembilan orang... Isteri saya selalu beli ikan yang murah dari pasar untuk membuat ikan masin... untuk dimakan bersama dengan nasi, selalunya menjadi sebagai lauk utama.

Kaum Rohingya sering menghadapi masalah pengangguran. Faktor kesukaran mendapat pekerjaan ialah disebabkan oleh masalah dokumen. Disebabkan tidak mempunyai dokumen, mereka dilihat sebagai 'pendatang tanpa izin'. Justeru itu, sesetengah Rohingya akhirnya memilih untuk bekerja sendiri. Seorang informan wanita berumur 25 tahun dan telah bermigrasi ke Malaysia sejak tahun 1988, mempunyai tiga orang anak dan tinggal bersama dengan ibunya, menyatakan sebab-sebab pengangguran suaminya:

Suami saya sudah dua bulan menganggur. Sebelum ini, dia bekerja di sebuah kilang besi selama satu tahun, membuat kerja *wiring* dan mengecat. Gaji harian yang diberi ialah 20 ringgit. Kesemua pekerjaanya hilang pekerjaan sebab kilang ditutup. Pekerja di kilang itu termasuklah Cina, India dan Rohingya, semuanya dipecat. Sekarang suami saya kerja sendiri, mengutip kotak menggunakan basikal. Kotak itu kemudiannya dijual. Pendapatan ialah kira-kira 10 ringgit setiap hari. Kerja ini susah sebab banyak persaingan mencari kotak.

Di samping itu, operasi penangkapan pendatang oleh pihak berkuasa Malaysia menambahkan lagi kesukaran mereka untuk mendapat pekerjaan bergaji. Menurut informan itu lagi:

...Banyak penangkapan Rohingya berlaku di pasar. Lebih kurang 30 orang sudah ditangkap. Suami kakak saya sudah kena tangkap. Suami saya sangat takut... cari kerja di pasar susah, kutip kotak pun susah. Banyak kilang pula tidak ambil pekerja baru, mereka kata 'sudah cukup orang'...

Sumber ekonomi bagi kebanyakan keluarga Rohingya bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami. Pekerjaan yang diperolehi biasanya bergaji rendah dan tanpa sebarang kebajikan pekerjaan seperti insuran, kesihatan dan cuti bergaji. Bagi Rohingya yang bekerja di tapak pembinaan pula sering ditipu oleh pihak majikan, iaitu tidak diberi gaji seperti yang dijanjikan. Seorang informan yang berumur 35 tahun, Aziz, berkeluarga dan mempunyai seorang anak mengambil keputusan tidak lagi bekerja di tapak pembinaan setelah

mengalami pengalaman buruk tersebut. Namun, gaji yang diperoleh oleh beliau sekarang juga amat tidak menentu kerana ianya gaji harian:

Saya bekerja di syarikat pembinaan dulu, tetapi banyak penipuan berlaku. Gaji tidak diberi setelah kerja projek pembinaan itu selesai. Sekarang, saya mendapat kerja sebagai pemotong rumput (dengan sebuah syarikat swasta) melalui kawan. Kerja enam hari seminggu, dari jam 8 pagi sehingga 5 petang. Tiada sebarang faedah kerja, tiada slip gaji. Kalau sakit, saya perlu ambil cuti tanpa gaji. Gajinya ialah 800 ringgit sebulan, tetapi kalau hujan setengah hari, gaji dipotong setengah hari juga...

Gaji diberi pada 7hb atau 10 hb setiap bulan, tetapi pernah juga lewat gaji, satu bulan kerja tanpa gaji. Kadang-kadang saya pinjam mesin potong rumput itu balik rumah supaya dapat cari rezeki di rumah-rumah jiran di sini. Gaji selalu tidak cukup, kadang-kadang saya terpaksa meminjam 50 ringgit atau 100 ringgit dari majikan...

RAWATAN PERUBATAN YANG TIDAK MENCUKUPI

Kebanyakan Rohingya, terutamanya golongan tua, menghadapi masalah kesihatan yang serius seperti kencing manis dan darah tinggi. Walaupun mereka sedar dengan kepentingan mendapatkan rawatan yang sewajarnya, mereka tidak mampu menampung kos perbelanjaan perubatan yang tinggi. Husin yang sudah berumur, menyatakan kesukarannya untuk mendapatkan rawatan perubatan:

Sudah lebih dari 10 tahun saya mengidap penyakit kencing manis dan darah tinggi. Saya sepatutnya berjumpa dengan doktor setiap dua atau tiga bulan. Tetapi rawatan doktor terlalu mahal...kadang-kadang saya ada berjumpa dengan doktor, tapi saya tidak cukup wang untuk membeli ubat yang disuruh, saya cuma pergi untuk mendengar nasihatnya sahaja. Kalau ada wang, maka saya belilah sedikit ubat-ubat penahan sakit dari farmasi, lebih kurang 50 ringgit setiap dua minggu...

Isteri Husin, umur 60-an, juga menghadapi masalah kesihatan, namun, pihak hospital dikatakan enggan memberi rawatan kerana masalah dokumen:

Isteri saya selalu pening, mungkin sebab kurang darah. Dua hari yang lepas, dia baru sahaja pergi ke hospital untuk diperiksa. Tetapi pihak hospital suruh isteri saya balik sebab dia tidak ada dokumen...

Masalah gagal mendapat perkhidmatan perubatan yang mencukupi yang masalah yang dihadapi oleh kebanyakan anggota Rohingya. Walaupun pasangan suami isteri Husin gagal mendapat rawatan perubatan disebabkan masalah kewangan dan dokumen, namun demikian, situasi mereka pada tahap ini bukanlah yang terburuk. Ahmed, berusia kira-kira 30 tahun, terpaksa berhutang dengan hospital setelah beliau dihantarkan ke hospital akibat kecederaan serius:

Saya pernah dihantar ke hospital selama beberapa bulan pada tahun 2002. Saya cedera kerana jatuh dari tangga sewaktu cuba untuk membaiki bumbung rumah yang bocor. Pihak hospital telah masukkan 'besi' ke dalam tangan kanan dan kaki kanan. Sudah dua tahun saya tidak pernah lagi berjumpa dengan doktor setelah keluar dari hospital. 'Besi'

itu menyakitkan, terutamanya pada hari hujan. Saya masih berhutang 5000 ringgit dengan hospital...hospital juga pernah hantar surat untuk meminta hutang.

Dalam sistem perubatan di Malaysia, warga asing dikenakan bayaran yang jauh lebih tinggi berbanding dengan warganegara Malaysia. Dalam hal ini, disebabkan Rohingya bukan warganegara Malaysia, mereka juga dikenakan kadar bayaran seperti yang dikenakan ke atas warga asing. Sebagai contoh, bayaran kesihatan di klinik kerajaan ialah RM15 secara minimum, manakala bayaran di hospital kerajaan mungkin mencecah beberapa ratus ringgit.

Selain daripada bayaran perubatan penyakit, kos perbelanjaan melahirkan anak merupakan satu lagi perbelanjaan yang tinggi dan membebankan. Ahmed menceritakan pengalaman yang dialaminya ketika isterinya bersalin:

Tiga bulan selepas kejadian kemalangan jatuh tangga tersebut, isteri saya telah sampai waktunya untuk bersalin. Saya masih terlantar di hospital pada waktu itu. Isteri sudah bersalin tetapi wang juga sudah habis. Nasib baik ada kawan-kawan yang memberi pertolongan, mereka kutip derma dari rakan-rakan yang lain, dari rumah ke rumah, sehingga duit yang dikumpul cukup membayar hospital...

Selain beban kewangan, sesetengah golongan Rohingya juga mengalami layanan buruk dari pihak hospital. Seorang lagi informan wanita, Royati memberi gambaran pengalaman pahit dialaminya apabila beliau tidak dibenarkan dimasukkan ke wad bersalin walaupun telah tiba saatnya:

Apabila sampai di hospital, jururawat meminta kad pengenalan dari saya...saya beritahu jururawat itu saya tidak mempunyai kad pengenalan, lalu dia naik marah dan tidak membenarkan saya masuk ke wad bersalin. Saya dapat rasa saya sudah sampai waktu untuk lahirkan anak, tapi dilarang dimasukkan ke bilik bersalin...sangat sakit ketika itu, saya menangis kerana tidak dapat menahan lagi...doktor juga nampak saya sudah sampai masanya, barulah mereka membawa saya ke bilik bersalin...

ISU PENDIDIKAN DI KALANGAN REMAJA ROHINGYA

Di Malaysia, Rohingya tidak dibenarkan memasuki sistem pendidikan formal kerajaan. Kebanyakan remaja Rohingya dalam lingkungan umur persekolahan adalah buta huruf walaupun mereka fasih berbahasa Melayu. Salah satu harapan golongan Rohingya ialah peluang pendidikan kepada anak-anak mereka. Walaupun ibu bapa Rohingya ini mengetahui bahawa anak-anak mereka tidak diterima dalam sistem pendidikan formal, mereka tetap cuba mendaftarkan anak-anak mereka di sekolah-sekolah yang berdekatan dengan kawasan kediaman mereka. Dengan mengetahui kepentingan pendidikan, Aziz menyatakan harapan utamanya ialah peluang persekolahan untuk anaknya, tetapi harapannya tidak tercapai apabila beliau menghadapi kegagalan untuk mendaftarkan anaknya di sebuah sekolah kerajaan:

Saya amat berharap anak-anak saya mendapat persekolahan yang cukup. Bagi saya, sekolah kerajaan juga boleh, sekolah agama juga baik...Saya pernah cuba daftarkan

anak saya di sebuah sekolah rendah di Cheras. Pada waktu itu, ketika sekolah dibuka untuk pendaftaran, saya membawa anak saya pergi ke sekolah itu bersama-sama dengan anak jiran tetapi pendaftaran bagi anak saya ditolak oleh pihak sekolah...

‘Nur, seorang wanita Rohingya berumur 43 tahun dan mempunyai seorang anak perempuan, mengetahui peluang untuk pendidikan formal adalah nipis, beliau memilih menghantar anaknya ke pusat tuisyen:

Anak saya lahir di Myanmar. Saya amat berharap dia dapat belajar membaca dan menulis. Kakak saya pernah cuba untuk mendaftar di sekolah kerajaan, tetapi tidak berjaya. Jadi saya tidak mencuba lagi kerana ia tidak akan berjaya. Lebih baik saya menghantarnya ke kelas tuisyen. Terdapat tiga kelas setiap minggu, belajar bahasa Melayu, Inggeris dan Matematik. 50 ringgit setiap bulan...

Pada tahun 2002 hingga 2004, di bawah tajaan UNHCR dan atas kerjasama Yayasan Salam Selangor, terdapat sebuah sekolah tidak formal di Cheras, dan digelar sebagai ‘sekolah madrasah’. Sekolah tersebut menjadi satu-satunya peluang pendidikan kepada anak-anak Rohingya. Namun, sekolah tersebut telah berhenti beroperasi sejak 2005 sebab kekurangan kewangan dari pihak penajanya. Dalam perkembangan terkini, pengkaji diberitahu bahawa sekolah madrasah tersebut telah beroperasi semula tetapi di bawah tajaan pihak lain. Walau bagaimanapun, huraian lanjut mengenai perkembangan baru sekolah ini tidak dapat dilakukan di sini kerana maklumat terperinci mengenainya masih belum didapati.

Dari segi jangka panjang, golongan Rohingya memerlukan pendidikan formal bagi anak-anak mereka. Namun, sehingga hari ini, peluang pendidikan Rohingya dalam sistem pendidikan formal masih belum ada kepastian.

ISU SIJIL KELAHIRAN

Daripada hasil temubual, didapati bukan sahaja anak yang dilahirkan di Burma tidak mempunyai sijil kelahiran (surat beranak), malah anak yang dilahirkan di Malaysia juga mungkin tidak mempunyai sijil kelahiran. Kebanyakan generasi baru Rohingya juga tidak mempunyai sijil kelahiran bukan sahaja disebabkan ia sukar didapati (kerana ibu bapa mereka tidak mempunyai dokumen sah seperti dokumen perjalanan); tetapi mereka juga takut untuk mendapatkan sijil kelahiran kerana terdapat rakan Rohingya lain yang pernah ditahan sewaktu cuba mendapatkan sijil kelahiran. Walaupun terdapat juga informan yang mendapat sijil kelahiran atas bantuan warganegara tempatan, namun secara umumnya, kebanyakan anak Rohingya tidak mempunyai sijil kelahiran. Contohnya Husin – kesemua cucunya dilahir di Malaysia. Dua daripada lima orang cucunya tidak mempunyai sijil kelahiran; Ahmed – beliau tidak mengetahui prosedur mendapatkan sijil kelahiran, namun, beliau akhirnya mendapat sijil kelahiran untuk anaknya atas bantuan seorang kawan warganegara Malaysia; Nur – anak perempuannya dilahir di Burma. Tidak mempunyai sijil kelahiran; Aziz – mempunyai tiga anak. Dua dilahirkan di Burma dan tidak mempunyai sijil kelahiran.

Walaupun anak bongsunya dilahirkan di Malaysia, beliau tidak mendapatkan sijil kelahiran kerana takut ditahan polis.

Isu sijil kelahiran adalah masalah yang penting dan harus diberikan perhatian kerana ia akan mendatangkan kesan negatif yang mendalam terhadap seseorang tersebut. Ia mungkin menyebabkan seseorang itu sukar mendapat dokumen yang lain, contohnya dokumen perjalanan, permit pekerjaan, pendaftaran untuk pendidikan formal, kad pengenalan dan sebagainya. Kebanyakan informan menyatakan kebimbangan mereka terhadap anak-anak mereka yang tidak mempunyai dokumen.

ISU KESELAMATAN: DITAHAN, DIPENJARA DAN DIHANTAR KELUAR KE SEMPADAN

Masalah dokumen juga menjadi punca utama kepada isu keselamatan Rohingya di Malaysia. Kebanyakan Rohingya tidak mempunyai dokumen status pelarian walaupun mereka telah mendaftarkan diri dengan UNHCR. Satu-satunya dokumen yang dipunyai oleh Rohingya ialah surat perlindungan sementara (*temporary protection*) yang diberikan oleh UNHCR. Namun demikian, surat perlindungan sementara itu kurang dihormati sebagai dokumen yang sah oleh pihak penguasa tempatan.

Kebanyakan Rohingya pernah mengalami pengalaman ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia. Satu daripada pengalaman Ahmed ialah kedatangan polis ke rumahnya untuk menahan mereka:

Polis datang ke rumah secara mengejut pada suatu hari. Mereka ketuk pintu lalu masuk ke dalam rumah. Semua lelaki disuruh keluar dari rumah. Kami semua ditahan dan dihantar ke balai selama dua hari. Selepas itu, saya dihantar pula ke kem Seremban selama 17 hari. Akhirnya dihantar ke sempadan Thailand di Padang Besar.

Rohingya yang ditahan biasanya akan dihantar ke kem tahanan dan menunggu untuk dihantar keluar dari sempadan Malaysia iaitu sempadan Malaysia-Thailand (sama ada sempadan Padang Besar di Perlis ataupun sempadan Kelantan). Seperti Ahmed, Husin juga pernah ditahan pada tahun 1998 selama tiga bulan sebelum dihantar ke sempadan Thailand-Kelantan. Selain daripada pengalaman dihantar ke sempadan, Husin bimbang dengan keselamatan ahli keluarganya kerana beliau dan rakan-rakannya pernah ‘diingatkan’ oleh pihak polis bahawa mereka dikehendaki pulang ke Myanmar:

Polis datang dua hari yang lepas. Polis itu berkata bahawa barangkali sesiapa yang surat perlindungan sementara UNHCR telah luput tarikh, akan dihantar balik ke Myanmar. Saya sangat bimbang cucu-cicit saya yang tidak mempunyai surat beranak akan ditangkap...

Informan wanita juga mempunyai pengalaman ditahan polis:

Saya pernah ditangkap pada tahun 1997, semasa polis mengadakan operasi menangkap orang Indonesia... Saya ditahan dalam kem, kemudian dihantar ke Thailand. Saya harus

kembali kepada keluarga saya, saya membayar duit kepada seorang agen untuk balik semula ke Malaysia...

Rohingya yang dikeluarkan dari sempadan akan cuba sedaya upaya untuk memasuki Malaysia semula untuk bertemu dengan ahli keluarga mereka di Malaysia (kebanyakan Rohingya mempunyai pengalaman membayar wang kepada agen-agen untuk pulang ke Malaysia. Isu berkenaan dengan agen-agen adalah isu yang penting dikaji, namun ia bukanlah fokus dalam kajian ini dan tidak akan dibincangkan dalam tulisan ini). Mereka yang dihantar ke Thailand akan cuba sedaya upaya supaya tidak dihantar pulang ke Myanmar kerana mereka mempercayai bahawa sesiapa yang dihantar balik ke Myanmar akan diancam.

Pada tahun 2005 dan 2006, terdapat perubahan kepada sistem dokumen yang diberikan oleh UNHCR. Dokumen yang pada asalnya dalam bentuk surat telah diganti menjadi bentuk kad plastik. Walaupun perubahan ini dilihat sebagai perubahan positif kerana bentuk fizikal dalam bentuk kad plastik dapat mengelakkannya daripada mudah rosak, namun demikian, tiada sebarang pernyataan dalam kad tersebut yang menyatakan bahawa Rohingya ialah pelarian.

Berkenaan dengan status pelarian bagi Rohingya, menurut Yap (2002), dianggarkan bahawa daripada 2000 permohonan status pelarian oleh Rohingya, kurang daripada 100 yang diluluskan oleh UNHCR supaya ditempatkan di negara lain.

JARINGAN SOSIAL

Jaringan sosial amat penting dalam kehidupan golongan Rohingya kerana ia merupakan sumber kepada sokongan fizikal dan mental. Kebanyakan Rohingya hidup berdekatan di antara satu sama lain di sesuatu kawasan. Dalam keadaan biasanya, beberapa keluarga akan berkongsi menyewa seunit rumah. Seunit rumah yang mempunyai tiga bilik mungkin didiami oleh tiga atau empat keluarga. Walaupun ruang yang dimiliki oleh setiap keluarga amat terhad dalam keadaan sedemikian, namun, bentuk kerjasama sedemikian mampu mengurangkan beban ekonomi mereka.

Hidup secara berk komuniti membenarkan Rohingya saling membantu apabila mereka menghadapi sebarang masalah. Sebagai contoh, rakan-rakan Ahmed membantu menyelesaikan masalah tempat tinggal Ahmed sekeluarga dengan membenarkannya menumpang dengan mereka sepanjang beberapa tahun ini. Dalam situasi Aziz pula, rakan-rakannya telah membantunya menyelesaikan bayaran hospital semasa isterinya bersalin. Jaringan sosial yang erat ini membolehkan golongan Rohingya menghadapi saat kritikal atas bantuan antara sesama mereka.

Selain daripada bantuan secara individu seperti yang disebut di atas, terdapatnya beberapa pertubuhan Rohingya yang bertujuan memberi bantuan terhadap anggota komuniti. Di antaranya ialah Rohingya Information Center (RIC), Ethnic Rohingya Human Rights Organisation (ERHRO) dan Rohingya Solidarity Democratic Movement (RSDM).

Walaupun terdapat juga ketidaksefahaman yang berlaku dalam hal-hal tertentu, namun secara umumnya jaringan yang terjalin sesama Rohingya, sama ada secara individu ataupun melalui pertubuhan, telah membolehkan golongan Rohingya meneruskan kehidupan harian mereka yang bagaikan satu perjuangan yang tiada garisan tamatnya.

KESIMPULAN

Disebabkan tiada satu polisi yang jelas tentang kedudukan Rohingya di Malaysia, status mereka di Malaysia kehanyutan antara ‘pendatang tanpa izin’ dengan pelarian. Walaupun pihak kerajaan pernah membuat kenyataan media untuk menerima golongan Rohingya sebagai golongan pelarian, namun demikian, sebagai sebuah negara yang belum menandatangani Konvensyen Pelarian 1951, undang-undang Malaysia tidak menyediakan satu ruang untuk menerima sebarang golongan pelarian (rujuk Akta imigresen 1959/1963). Malah, dokumen UNHCR yang diberikan kepada golongan Rohingya kurang diakui sebagai dokumen sah.

Pengkaji mendapati bahawa pelbagai masalah yang sedang dihadapi oleh Rohingya di Malaysia, dari segi ekonomi, kesihatan, pendidikan dan keselamatan. Golongan Rohingya sedang menghadapi satu kehidupan dan masa depan yang amat tidak pasti. Ketidakpastian yang sedang menimpa bukannya terhadap generasi sekarang sahaja, tetapi ia juga memberi satu kesan yang mendalam terhadap generasi akan datang.

Hasil kajian juga mendapati bahawa walaupun Rohingya menghadapi kehidupan yang amat sukar di Malaysia, mereka tetap berjuang dalam kehidupan seharian di samping menanti-nantikan ketibaan masa depan yang lebih baik.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian daripada kertas projek bagi memenuhi keperluan Sarjana Sastera di Program Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. Awang Hasmadi Awang Mois. Penghargaan ikhlas juga diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Rohana Ariffin atas sokongan dan tunjuk ajar beliau selama ini.

RUJUKAN

- Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). 2003. Rohingya Data Collection and Distribution of Rohingya. (Laporan tidak terbit)
- Amnesty International (AI). 2004. The Rohingya Minority: Fundamental Rights Denied. (<http://web.amnesty.org/library/Index/ENGASA160052004>, 25 November 2005)
- Human Rights Watch (HRW). 2000. Malaysia/Burma: Living In Limbo. (<http://www.hrw.org/reports/2000/malaysia/maybr008-04.htm>, 29 September 2003)
- _____. 2002. Crackdown on Burmese Muslims. (hrw.org/backgrounder/asia/burmese_muslims.pdf, 29 September 2003)
- Jilani, AFK. 1999. *The Rohingyas of Arakan: Their Quest for Justice*.
- Malaysia. 2000. *Akta Imigresen 1959/1963 (hingga 25hb Februari 2000)*. (Akta 155).
- Malaysiakini. 30 April 2005. Stateless Clan Finally Gets Right to Work. (<http://www.malaysiakini.com/opinions/features/35773>, 1 Januari 2006)
- Smith, Martin. 1999. *Burma: Insurgency and the Politics of Ethnicity*. New York: Zed Books.
- SUARAM. 2002. 127 Asylum Seekers and Refugees Detained. (http://www.suaram.org/update/urgent_appeal_20020803.htm, 29 September 2003)
- Suaram. 2003. *Malaysia: Human Rights Report: Civil and Political Rights*. Petaling Jaya: Suaram Komunikasi.
- United Nations (UN). 1997a. *Convention Relating to the Status of Refugees: Its History, Contents and Interpretation*. Geneva: UNHCR.
- United Nations (UN). 1997b. *Convention Relating to the Status of Stateless Persons: Its History, Contents and Interpretation*. Geneva: UNHCR.
- US Committee for Refugees (USCR). 1998. Country report: Malaysia. (http://www.refugees.org/countryreports.aspx?__VIEWSTATE=dDwxMTA1OTA4MTYwOztsPENvdW50cnlERDpHb0JldHRvbjs%2BPrImhOOQDI2_9eBMz8b04PTi8xjW2&cid=977&subm=&ssm=&map=&ctl0%3ASearchInput=+KEYWORD+SEARCH&CountryDD%3ALocationList=, 30 Mac 2006)
- US Committee for Refugees (USCR). 1999. Country report: Malaysia. (http://www.refugees.org/world/countryrpt/easia_pacific/1999/malaysia.htm, 29 September 2003)
- Yeni. 2006. Stateless in Arakan. *Irrawaddy* 14(1):22-23.

Tan Pok Suan
 Calon Sarjana
 Jabatan Antropologi dan Sosiologi
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor D.E., Malaysia
 E-mel: suansuan78@yahoo.com